

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, July 16, 2018 11:26 AM
To: UUM - All Staff
Subject: GARIS PANDUAN BAGI JEMPUTAN KE PROGRAM JABATAN / AGENSI / IPT MELIBATKAN YB MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

16 JULAI 2018 / 3 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: GARIS PANDUAN BAGI JEMPUTAN KE PROGRAM JABATAN / AGENSI / IPT MELIBATKAN YB MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Sebagaimana sedia maklum, Kementerian Pendidikan Malaysia kini di bawah pimpinan Menteri baharu iaitu YB Dr. Maszlee Malik bermula 22 Mei 2018 dengan gabungan dua kementerian sebelumnya (KPM dan KPT). Oleh yang demikian, Unit Komunikasi Korporat kini dikenali sebagai Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pendidikan Malaysia (UKK KPM – SPT).

Sejajar dengan perubahan ini, UKK KPM – SPT telah mengadakan perbincangan dengan Pejabat YB Menteri dan mencapai persetujuan bahawa setiap Jemputan program di peringkat Jabatan / Agensi dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang melibatkan YB Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan **MESTILAH** mengikut Garis Panduan yang ditetapkan iaitu:

- i. **Pengesahan kehadiran YB Menteri atau YB Timbalan Menteri** ke program hanya akan diputuskan oleh Pejabat Menteri atau Timbalan Menteri;
- ii. Gambar rasmi YB Menteri dan YB Timbalan Menteri **tidak dibenarkan** untuk diletakkan di dalam bahan promosi program atau Majlis kecuali dengan persetujuan Pejabat YB Menteri atau Timbalan Menteri untuk hadir ke program; dan
- iii. Sidang Media hanya boleh dilaksanakan sekiranya mendapat persetujuan daripada Pejabat YB Menteri, Timbalan Menteri atau Ketua Setiausaha melalui pemakluman dari UKK KPM – SPT.

Sehubungan itu, UKK KPM – SPT memohon kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Dr. agar mengikut garis panduan ini sejajar dengan arahan oleh Pejabat Menteri.

Pertanyaan dan maklumat lanjut hubungi Unit Komunikasi Korporat 04-928 3048/3049/3052/3061.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.